

# 13,000 bakul makanan diagih ganti Kenduri Rakyat

Oleh AMREE AHMAD

utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Sejumlah 13,000 bakul makanan bernilai RM750,000 diagihkan kepada 1,000 isi rumah di setiap kawasan Parlimen di tiga Wilayah Persekutuan semalam.

Menyatakan di sini, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa berkata, ia disumbangkan terus secara 'one-off' kepada golongan miskin bandar dan kelompok berpendapatan B40.

"Ia kaedah baharu bagi menggantikan program Kenduri Rakyat yang lazim dibuat setiap kali sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada 1 Februari," katanya menerusi kenyataan semalam.

Menurut beliau, bakul itu berisi barang keperluan asas diagihkan terus ke kediaman kumpulan sasar dengan mendapat kerjasama pihak Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan.

Kata beliau, inisiatif itu selaras tema tahun ini, Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin dengan program dianjurkan bersifat keprihatinan kepada golongan susah yang terkesan akibat Covid-19.

"Sempena Hari Wilayah Persekutuan tahun ini, turut diselitkan ialah Kempen Kibar Bendera, Wilayah Persekutuan Bermunajat, Pameran Digital-



**SITI Absah Ramli memasang bendera Wilayah Persekutuan ketika tinjauan dekorasi dan hiasan bendera sempena Hari Wilayah Persekutuan di Sekolah Rendah Agama Raja Muda Musa, di Kuala Lumpur semalam.**

- UTUSAN SHIDDIEQIN ZON

Wilayah Persekutuan, Khutbah Jumaat Khas, Virtual Bike and Run dan Virtual Musikal.

"Selain itu, satu program baharu ialah Pencahayaan Wilayah

Persekutuan dengan tujuan menggalakkan pemilik bangunan menyalakan lampu pada waktu malam," kata Annuar.

Melalui cara ini, ujarnya,

semua penduduk bersama keluarga berada di rumah dalam suasana meriah dan ceria sambil mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).